



Harapan bangsa dan negara amat tinggi kepada Datuk Seri Najib kerana negara memerlukan kepimpinan yang dinamik, tegas, berpandangan jauh, memahami cita rasa rakyat dan diharap dapat mengubah sikap setiap orang ahli Majlis Tertinggi (MT) serta Jawatankuasa Wanita dan Pemuda.

Apa yang diharapkan ialah perubahan positif dan progresif yang mementingkan agama, bangsa dan negara melebihi kepentingan diri sendiri. Jika ini tidak berlaku, rakyat akan hilang kepercayaan kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Saya tetap yakin dan percaya dengan saf baru Datuk Seri Najib akan mendapat sokongan yang kuat. Apa yang perlu ditekankan ialah peningkatan dan ketajaman pemikiran orang Melayu kerana masa depan negara terletak kepada kepintaran pemikiran orang Melayu. Jika orang Melayu lemah pemikirannya maka senang diperlekehkan oleh kaum lain.

Jadi carilah jalan untuk mengadakan rancangan strategik bagaimana mahu meningkatkan ketajaman pemikiran orang Melayu.

Peralihan kuasa itu biasa (berlaku). Apa yang penting ialah agenda seterusnya iaitu mengukuhkan kekuatan, kedudukan dan hala tuju orang Melayu kerana Bumiputera adalah kaum terbesar di negara ini iaitu 65 peratus.

Oleh itu, Datuk Seri Najib mesti mengembalikan kekuatan UMNO pada tahap yang sama atau lebih daripada kedudukan pada tahun 1940-an dan 1950-an. Kalau boleh, ia mesti dijadikan seperti kegemilangan Kesultanan Melaka pada kurun ke-15 dan 16 dahulu.

Sumbangan dan bakti Pak Lah perlu disanjung. Bak kata orang Melayu, bila orang berbudi, budi itu jangan kita hilangkan."

- DATUK DR. KAMARUDDIN KACHAR

UTUSAN MALAYSIA

3 APRIL 2009 (Jumaat)